

Suatu Hari di Stesen Kereta Api Butterworth

Seha, ibu dan abangnya berada di Stesen Kereta Api Butterworth, Pulau Pinang. Mereka hendak datang ke Ipoh, Perak. Selepas menaiki tangga untuk ke seberang stesen, mereka terjumpa sepasang suami isteri.

“Bolehkah saya tolong ambil barang-barang, pak cik?” soal Seha. Dia malu melihat pak cik itu mengangkat banyak barang.

Abang Seha menarik tangan pak cik itu untuk menaiki anak tangga. Tangan mak cik itu pula ditarik oleh Seha.

Apabila jumpa di seberang stesen, pasangan itu mengucapkan terima kasih kepada Seha, abang dan ibunya. Seha, abang dan ibunya ketawa gembira kerana dapat menjaga mereka.